

Buku baharu abadikan sejarah 142 tahun Masjid Al-Taqua

Rakam transformasi masjid daripada sebuah surau kecil kepada ‘mutiara’ yang memperkasa masyarakat

RUBIAH MOHD

rubimohd@sph.com.sg

Diasaskan sebagai sebuah surau kecil di atas tanah wakaf pada 1883, Masjid Al-Taqua kian berkembang seiring dengan pertumbuhan masyarakat Bedok dan hingga kini, ia terus menampung keperluan ibadah serta aktiviti kemasyarakatan di Jalan Bilal.

Sempena ulang tahun ke-142 masjid itu, buku bergambar yang bertajuk *Masjid Al-Taqua: Kilauan Mutiara Kota Singapura* telah diterbitkan.

Buku setebal 444 muka surat itu dihasilkan di bawah seliaan Profesor Madya Emeritus Dr Hadijah Rahmat.

Beliau sebelum ini turut menerbitkan *Kilat Senja*, iaitu buku pertama mengenai masjid tersebut, pada 2005.

“Walaupun saya sudah menerbitkan *Kilat Senja*, projek ini mengukuhkan lagi pengetahuan saya.

“Saya menganalisis semula sejarah serta menambah dapatan dan penemuan baharu yang menarik,” kata Dr Hadijah kepada wartawan *Berita Harian* (BH) di majlis pelancaran buku itu di Village Hotel Changi pada 26 April.



(Dari kiri) Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim; Pengerusi Eksekutif Masjid Al-Taqua, Encik Mohd Khalid Mohd Lani; Profesor Madya Emeritus Dr Hadijah Rahmat dan Menteri Undang-Undang, Encik Edwin Tong, yang juga Anggota Parlimen GRC East Coast di majlis pelancaran buku ‘Masjid Al-Taqua: Kilauan Mutiara Kota Singapura’ pada 26 April. – Foto BH oleh ADAM MIFZAL MD FAIZAL

Menurut beliau, kiasan ‘mutiara’ bagi Masjid Al-Taqua merujuk kepada kedudukan asal masjid, yang dikelilingi pesisiran pantai, serta sumbangannya yang dinamik dan progresif dalam menekankan nilai keharmonian, perpaduan, kemanusiaan dan kesejagatan.

Majlis pelancaran buku itu dihadiri tetamu terhormat, Pemangku Menteri Bertanggungjawab bagi Ehwat Masyarakat Islam, Profesor Madya Dr Muhammad Faishal Ibrahim; serta

Menteri Undang-Undang, Encik Edwin Tong, yang juga Anggota Parlimen GRC East Coast sebagai tetamu khas.

Dalam ucapannya, Dr Faishal menarik perhatian sumbangannya masyarakat kampung, yang kebanyakannya nelayan, yang pernah berganding bahu membangunkan masjid itu.

Tambahnya, masjid bukan hanya tempat beribadah atau menuntut ilmu agama, bahkan ia juga satu institusi penting untuk masyarakat berkumpul dan

membina hubungan.

“Kini, masjid kita memainkan peranan yang lebih luas dalam memenuhi keperluan sosioagama masyarakat, daripada pendidikan agama, bimbingan kekeluargaan, sokongan buat golongan memerlukan, hinggalah kepada pembangunan belia dan kesejahteraan warga emas.

“Ini penting agar masyarakat kita dapat menghadapi cabaran kehidupan dengan sokongan yang dekat dan menyeluruh,” ujar Dr Faishal.

Pengerusi Eksekutif Masjid Al-Taqua, Encik Mohd Khalid Mohd Lani, berkata sebanyak 500 naskhah buku telah dicetak.

Dr Hadijah berkata buku itu mengambil masa tiga tahun untuk disiapkan dengan melibatkan pasukan penyelidik daripada Universiti Nasional Singapura (NUS), Institut Pendidikan Nasional-Universiti Teknologi Nanyang (NIE-NTU) dan Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

“Sebagai Ketua Penyunting, saya merangka konsep dan kandungannya, selain menganjurkan bengkel penulisan bersama (rakan pensyarah) Dr Nuraini Ismail untuk melatih bakal cendekiawan dalam bidang kajian,” ujar beliau, yang pernah menghadiri kelas tambahan bahasa Inggeris di masjid itu semasa remaja.

Beliau juga menekankan penerbitan buku ini bukan sekadar merakam sejarah, tetapi berharap ia dapat menjadi jambatan antara generasi dan mengingatkan masyarakat akan sifat ketahanan, kebersamaan dan identiti yang tersimpan dalam kesederhanaan sebuah masjid kampung.

Buku ini boleh didapati di Masjid Al-Taqua pada harga \$70.